

12/08/2000

Abu Hassan pilih `jalan pulang' terbaik

Putera Kajang

APA yang memisahkan antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Datuk Seri Abu Hassan Omar? Tidak lain keputusan politik yang mereka buat demi kelangsungan hidup mereka sendiri.

Memang benar dunia politik penuh dengan ketidaktentuan. Ada juga yang berkata politik adalah seni yang serba berkemungkinan. Tidak kira apa saja yang kita labelkan, politik sangat mengasyikkan atau menjadi igauan ketika kita berada di puncak kekuasaan.

Anwar dan Abu Hassan tentunya telah menempuh jejak-jejak ciptaan mereka sendiri menuju ke situ yang akhirnya mereka tiba ke penghujung untuk membuat keputusan `berani mati'.

Anwar dan Abu Hassan juga tentu sedar betapa sukarnya hidup dalam rumah kaca. Saya tidaklah mahu menuduh mereka telah melontar batu ke rumah kaca orang lain tetapi dalam dunia politik resamanya memang begitu.

Anehnya, kedua-dua mereka ini datang dan pergi diselimuti kontroversi. Anwar mencetus keributan dan rasa tidak senang di kalangan orang lama Umno apabila memanjat tangga politik dengan begitu mudah pada 1982.

Abu Hassan pula riuh-rendah dengan isu membaik pulih kediaman Menteri Besar yang dilaporkan menelan belanja lebih RM5 juta ketika Malaysia sedang dilanda kegawatan ekonomi.

Khabar angin di kalangan orang politik ketika itu, Anwar adalah `tangan' di belakang kekecohan itu kerana Abu Hassan dikatakan bukan daripada kroninya.

Sehingga saat ini kita tidak tahu apa masalah sebenar yang menghantuinya tetapi keputusan Abu Hassan melepaskan jawatan Menteri Besar Selangor yang disandangnya sejak 6 Jun 1997, adalah satu tindakan paling tepat - sekurang-kurangnya dari sudut politik.

Walaupun beliau memberi alasan kesihatan untuk berundur, pembangkang terutama Pas mempunyai agenda berbeza sejak awal Julai lalu. Tidak kira apa masalahnya dan apa yang ingin dilakukan Pas selepas ini, paling tidak keputusannya itu sudah tentu mengurangkan tekanan ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun begitu, saya pasti Dr Mahathir tidak akan terlepas daripada tohmahan bahawa beliau yang memaksa Abu Hassan berundur gara-gara peristiwa pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyerbu sebuah restoran di Damansara dan menangkap 53 pelanggan Islam di situ.

Berbeza Anwar mengambil jalan yang satu lagi, mahu mengekalkan jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) dan akhirnya dipaksa berhenti pada 2 September 1998 oleh Dr Mahathir.

Kalaulah beliau membuat keputusan seperti Abu Hassan pasti senario politik negara ketika ini tenang dan selesa bagi semua orang.

Datuk Nik Aziz Nik Mat tentunya tidak payah berhujah Allah mencarut. Amanat Haji Hadi Awang tidak kembali berkumandang. Isu Badwi Malaysia jaga babi pun tidak akan terpacul dari mulut Datuk Fadzil Noor. Malah, Prof Datuk Shahnnon Ahmad tidak perlu mencemar gelaran Sasterawan Negara dengan buku SHIT.

Anwar mempunyai kesempatan terbaik untuk berundur ketika itu. Kegawatan ekonomi yang melanda sejak Julai 1997 sudah cukup untuk Anwar meletak jawatan Menteri Kewangan dan TPM tanpa sebarang kekecohan.

Tetapi Anwar mengambil risiko paling dahsyat dalam sejarah hidupnya demi menyelamatkan maruah diri dan keluarga kerana pertuduhan ke atasnya sangat mengaibkan.

Ketrampilannya sebagai politikus yang berjiwa Islam, ucapan penuh retorik diselang-seli dengan hadis dan ayat al-Quran serta seruan ke arah masyarakat madani, membuatkan Anwar hanya ada satu pilihan, mempertahankan kedudukan walaupun terpaksa membayar dengan harga tinggi.

Kasihannya Anwar yang akhirnya terpaksa akur kepada ketentuan Ilahi. Lima belas tahun penjara sudah cukup untuk membunuh, jika ada saki baki impian politiknya untuk kembali menakluk jawatan nombor wahid di Malaysia.

Walaupun api reformasi yang dinyalakannya hampir dua tahun lalu masih ada panasnya, ia tidak lebih seperti jasad tanpa nyawa. Ia akan lenyap bersama masa dan Anwar akan dilupakan menjelang pilihan raya umum 2004.

Imej Abu Hassan pula tentunya tidak sehebat Anwar. Memang sejak awal lagi ramai yang beranggapan beliau tidak layak untuk berada di kerusi yang menjadi buruan ramai orang politik di Selangor. Jawatan Menteri Kebajikan Masyarakat yang pernah disandanginya dikatakan adalah yang terbaik dan sesuai dengan perwatakannya.

Kalaupun beliau cuba mencetuskan satu lagi reformasi jalanan pasti tidak akan mendapat sambutan. Abu Hassan tentu sedar perbezaan ini. Jalan paling selamat ialah mengundur diri secara aman dan terhormat. Itulah yang dilakukannya.

Kalaupun beliau cuba melakukannya, ia hanya akan meributkan politik negeri buat seketika. Ini tentu tidak menguntungkannya bagi jangka panjang.

Oleh itu cara Abu Hassan 'mencari jalan pulang' adalah sesuatu yang mulia dari kaca mata politik dan saya menganggap satu yang terbaik ketika kegawatan ekonomi dan politik menuju pemulihan.

Kepada Abu Hassan pandai-pandailah menguruskan kesihatannya selepas ini apabila sudah tidak ada lagi bebanan kerja yang makin mendesak.